


**SUMBER KELANGSUNGAN PENYELUDUPAN  
BARANGAN DI SEMPADAN MALAYSIA,  
SARAWAK (LUBOK ANTU)-INDONESIA,  
KALIMANTAN BARAT (BADAU)**



**JULIE TAY GEK HSIA**

**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2019**

**SUMBER KELANGSUNGAN PENYELUDUPAN  
BARANGAN DI SEMPADAN MALAYSIA,  
SARAWAK (LUBOK ANTU)-INDONESIA,  
KALIMANTAN BARAT (BADAU)**

**JULIE TAY GEK HSIA**



**UMS**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2019**


**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **SUMBER KELANGSUNGAN PENYELUDUPAN BARANGAN DI  
SEMPADAN MALAYSIA, SARAWAK (LUBOK ANTU)-  
INDONESIA, KALIMANTAN BARAT (BADAU)**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA SASTERA (SOSIOLOGI DAN  
ANTROPOLOGI SOSIAL)**

Saya **Julie Tay Gek Hsia**, sesi **2014-2018**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):




SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

\_\_\_\_\_  
**JULIE TAY GEK HSIA**  
**MA1411032T**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh:

\_\_\_\_\_  
(Prof. Madya Dr. Gusni Bin Saat)  
Penyelia


## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 Mei 2019

---

JULIE TAY GEK HSIA  
MA1411032T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : **JULIE TAY GEK HSIA**

NO. MATRIK : **MA1411032T**

TAJUK : **SUMBER KELANGSUNGAN PENYELUDUPAN  
BARANGAN DI SEMPADAN MALAYSIA,  
SARAWAK (LUBOK ANTU)-INDONESIA,  
KALIMANTAN BARAT (BADAU)**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SOSIOLOGI DAN  
ANTROPOLOGI SOSIAL)**

TARIKH VIVA : **19 Februari 2019**



**PENYELIA**

Prof. Madya Dr. Gusni Bin Saat

**DISAHKAN OLEH:**

**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TANDATANGAN**

---

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, segala pujian dan syukur saya panjatkan kepada Tuhan yang Esa kerana dengan izin-Nya saya telah diberikan keazaman, ketabahan dan kesabaran serta perlindungan dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa berkat-Nya, saya tidak akan sampai ke tahap ini.

Di kesempatan ini, saya merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Prof. Madya Dr Gusni Saat selaku penyelia utama tesis dan sebagai pembimbing saya yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar. Terima kasih atas nasihat, motivasi serta ilmu yang telah dicurahkan. Semoga terus diberkati dalam setiap karier yang dijalankan. Tidak dilupakan, ribuan terima kasih saya panjatkan kepada Dr Marsitah, Dr Jalihah, Encik Eko Prayitno Joko dan pensyarah-pensyarah Sosiologi dan Antropologi lain yang turut serta dalam membantu dan membimbing sehingga tesis ini siap.

Seterusnya, yang tidak pernah dilupakan ialah Mama saya iaitu Sim Mawarni atas semangat, kasih sayang dan doa yang tiada hentinya sehingga saya dapat menghabiskan penulisan tesis ini. Oleh kerana doa mama lah saya mampu menyelesaikan tesis ini. Kepada keluarga dan teman baik saya, Christina binti Edris, terima kasih atas semangat dan dorongan yang telah diberikan. Untuk arwah Papa, ini untuk Papa. Tidak lupa juga kepada responden serta informan yang telah bekerjasama dan membantu memberikan maklumat yang diperlukan serta dorongan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Sesungguhnya, dorongan dan kerjasama anda semua amat bermakna bagi saya. Akhir sekali kepada rakan seperjuangan saya, terima kasih atas segalanya.

Sekian, terima kasih.

JULIE TAY GEK HSIA

19 Mei 2019

## ABSTRAK

Isu "penyeludupan" barang keperluan asas di kawasan sempadan khususnya Malaysia-Indonesia, telah berlaku sejak sebelum pembentukan Negara Persekutuan pada 1963. Kajian sedia ada menunjukkan walaupun terdapat kawalan ketat Kastam di setiap sempadan antara dua buah negara tetapi kegiatan penyeludupan barangan masih terus berlaku. Oleh itu, timbul persoalan utama mengapakah kegiatan penyeludupan barangan ini terus berlaku? Kajian ini bertujuan mengenalpasti dan menganalisis sumber-sumber kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia iaitu di Lubok Antu dan Badau. Objektif khusus kajian ini adalah mengenalpasti sumber yang menyumbang kepada kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan dan seterusnya meneliti bagaimana sumber wujudulu dan wujudkemudian menjadi sumber penting dalam kelangsungan penyeludupan barangan. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes dan data di kutip menggunakan temu bual mendalam dan pemerhatian. Sampel kajian melibatkan seramai 15 orang responden melalui kaedah persampelan bertujuan. Data temu bual telah dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti. Kajian ini mendapati terdapat dua sumber yang menyumbang kepada faktor kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan. Pertama, sumber wujudulu yang merangkumi sejarah perdagangan, hubungan kekeluargaan, sentimen kekitaan, budaya dan geografi. Kedua, sumber wujudkemudian yang merangkumi pintu sempadan iaitu Kastam dan Imigresen, undang-undang penyeludupan, dan anggota penguatkuasa undang-undang. Sumber wujudulu mengasimilasikan budaya perdagangan yang menolak konsep "penyeludupan barangan keperluan asas". Masyarakat setempat percaya kegiatan penyeludupan ini berlaku kerana faktor saling memerlukan. Dalam hal ini, sentimen kekitaan (*sense of belonging*), serta nilai kekeluargaan dan persahabatan membuatkan mereka melihat perkara ini bukanlah sesuatu yang salah di sisi undang-undang. Sumber wujudulu kemudiannya mempengaruhi persepsi dalam kalangan pihak penguatkuasa di kedua-dua buah negara bahawa kegiatan "penyeludupan barangan keperluan asas" itu adalah budaya komuniti sempadan yang harus diteruskan bagi membekalkan keperluan asas untuk komuniti.

**Kata Kunci:** *Penyeludupan Barangan, Komuniti Sempadan, Sumber Kelangsungan Penyeludupan, Sumber Wujudulu, Sumber Wujudkemudian*

## ABSTRACT

### ***SOURCES OF CONTINUITY OF GOODS SMUGGLING AT THE BORDER OF MALAYSIA, SARAWAK (LUBOK ANTU)-INDONESIA, KALIMANTAN BARAT (BADAU)***

*"Smuggling" issue of the basic necessities in the border area particularly Malaysia-Indonesia, has taken place since prior to formation of Malaysian Federation state in 1963. The existed studies implied that although there is a strict Custom control at every border between the two countries, but however the smuggling activities still survival. The question raised was, why the smuggling activities still remain survival? The aim of this study is to analyze the sources of smuggling survival activities at the border area of Malaysia-Indonesia that located in Lubok Antu (Sarawak) and Badau (West Kalimantan). Specifically the objectives of this study are to identify sources that contribute to various factors of smuggling survival activities of necessities and to further examine how the sources exist and become the main sources of why the smuggling activities of necessities in the studied area continue persisting even though in the state of smuggling law enforcement. This study in the form of qualitative that involved case study research design and the gathering data is used in-depth interview and observation. There are 15 respondents chosen by utilized purposive sampling method. All the data was analyzed by using Atlas.ti software. The study found that there are two sources contributed to the survival factors of the necessities smuggling. First, pre-existing source that comprising the trading history, family relationship, sense of belonging sentiment, culture and geography. Second, the post-existing sources that comprising border gate that- Customs and Immigration, smuggling laws and law official enforcement. Pre-existing source was assimilated the trading culture, hence declined the concept of basic necessities smuggling. The local society believed that smuggling activities occurred are due to interdependence factors. In this regards, the sense of belongingness, the values of familyship, and friendship are motivated them to perceive this matter as not against the laws. The pre-existing factors also influenced the perception among the Custom laws enforcement officers both of the countries believed that the "smuggling necessities goods" activities is became the border communities culture that must be continued to supply the basic needs for the community.*

**Keywords:** Necessities Smuggling, Border Community, Survival of the Smuggling Source, Pre-Exsiting Source, Post-Exsiting Source



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENAKUAN CALON</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB 1            PENGENALAN</b>	Halaman
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Permasalahan Kajian	1
1.3    Persoalan Kajian	5
1.4    Objektif Kajian	6
1.5    Kepentingan Kajian	7
1.6    Skop kajian	8
1.7    Metod Kajian	8
1.7.1    Reka Bentuk Kajian	9
1.7.2    Kawasan Kajian	10
i.        Latar Belakang Kawasan kajian	11
1.7.3    Teknik Pengumpulan Data	13
i.        Temubual	13

ii.	Pemerhatian	15
iii.	Data Sekunder	17
1.7.4	Persampelan	17
1.7.5	Proses dan Jangka Masa Kerja Lapangan	20
1.7.6	Analisis Data	20
1.8	Definisi Operasional	21
1.8.1	Penyeludupan Barangan	21
1.8.2	Sempadan dan Komuniti Sempadan	24
1.8.3	Jaringan Sosial ( <i>Social Networking</i> )	27
1.8.4	Timbal-balik ( <i>Reciprocity</i> )	28
1.9	Limitasi Kajian	30
1.10	Organisasi tesis	31
1.11	Kesimpulan	32

## **BAB 2           SOROTAN KAJIAN DAN KERANGKA TEORI**

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Aktiviti Penyeludupan Barangan di Sempadan dan Faktor	33
2.3	Persepsi Komuniti Sempadan Terhadap Penyeludupan Barangan	39
2.4	Kerangka Teoritikal	43
2.4.1	Teori Pilihan Rasional	43
2.4.2	Sumber Wujudulu dan Sumber Wujudkemudian	45
2.4.3	<i>Everyday-defined</i> dan <i>Authority-defined</i>	46
2.4.2	Model Sumber Kelangsungan Penyeludupan Barangan	47
2.5	Kesimpulan	48

### **BAB 3 SEJARAH PERSEMPADANAN LUBOK ANTU-BADAU**

3.1	Pendahuluan	50
3.2	Sejarah Pembentukan Sempadan Lubok Antu-Badau	50
3.2.1	Sejarah Urus Niaga Barangan Antara Dua Buah Kawasan ( Lubok Antu-Badau)	54
3.3	Etnisiti, Sosiobudaya dan Ekonomi Kawasan Kajian	64
3.4	Jenis Barangan dan Laluan Barangan Melalui Pintu Sempadan	69
3.4.1	Jenis Barangan yang di Seludup	69
3.4.2	Laluan Rasmi Melalui Customs, Immigration and Quarantine (CIQ) dan Pos Pemeriksaan Lintas Batas (PPLB)	71
3.4.3	Laluan Yang Tidak Melalui Pemeriksaan Customs, Immigration and Quarantine (CIQ) dan Pos Pemeriksaan Lintas Batas (PPLB)	73
3.5	Kesimpulan	77

### **BAB 4 DAPATAN KAJIANN**

4.1	Pendahuluan	78
4.2	Latar Belakang Responden	78
4.3	Faktor-Faktor Penyeludupan Barangan sebagai Sumber Wujudulu	80
4.3.1	Sejarah Perdagangan	81
4.3.2	Kekeluargaan ( <i>Kinship</i> )	85
4.3.3	Rasa Kekitaan ( <i>Sense of belonging</i> )	88
4.3.4	Kebudayaan	90
4.3.5	Geografi	93
4.4	Sumber Wujudkemudian	97
4.5	Kesimpulan	102

### **BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN**


5.1	Pendahuluan	103
5.2	Aktiviti Ekonomi Rentas Sempadan dan Penyeludupan Barangan	103
5.3	Pengaruh Sumber Wujudulu dan Sumber Wujudkemudian Terhadap Persepsi Komuniti	109
5.3.1	Konsep Penyeludupan Menurut Komuniti	109

5.3.2	Persepsi Terhadap Aktiviti Penyeludupan	112
	i. Persepsi Komuniti Setempat	112
	ii. Persepsi Pihak Penguatkuasa	115
5.4	Kesimpulan	119

## **BAB 6 KESIMPULAN**

6.1	Pendahuluan	120
6.2	Penemuan Utama Kajian	120
6.3	Aplikasi Teori	124
6.4	Implikasi Kajian	128
6.5	Cadangan Kajian Lanjut	129
6.6	Rumusan	131


<b>RUJUKAN</b>		132
<b>LAMPIRAN</b>		152



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL


	Halaman	
Jadual 1.1	Profail Penduduk Daerah Badau	13
Jadual 1.2	Jumlah Responden dan Informan yang Terlibat	19
Jadual 1.3	Definisi Operasional Untuk Definisi Utama Kajian	29
Jadual 3.1	Senarai Barangan yang di Seludup keluar Lubok Antu-Badau	70
Jadual 4.1	Profil Demografik Responden	79



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Kawasan Kajian	11
Rajah 2.1	Kerangka Teori Pilihan Rasional	48
Rajah 4.1	Hubungkait Setiap Faktor-Faktor Kelangsungan Penyeludupan Barangan	96
Rajah 6.1	Faktor Kelangsungan Penyeludupan Barangan	123
Rajah 6.2	Aplikasi Kerangka Teori Pilihan Rasional Dengan Penemuan Kajian	127



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 3.1	Batu Sempadan yang Menjadi Penanda Sempadan Malaysia-Indonesia	53
Foto 3.2	Penanda yang Memisahkan Dua kawasan Sempadan dan Merupakan Tempat Transit (Sempadan John) Sebelum Pergi Ke Lubok Antu Dari Badau Bagi Komuniti Satu Ketika Dahulu.	58
Foto 3.3	Barisan Kedai bagi Komuniti dari Badau Menunggu <i>Tukang Ojek</i>	58
Foto 3.4	Laluan Tidak Rasmi Dahulunya Telah Diperbaiki dan Dalam Proses Perlebaran dan Naik Taraf Bagi Tujuan Pembangunan di Badau	62
Foto 3.5	Papan Tanda Libas (Askar) di Kawasan Sempadan Lama (Jalan Bayi)	62
Foto 3.6	Tempat Kawalan Libas (Askar) di Sempadan	63
Foto 3.7	Laluan Tidak Rasmi yang Masih Digunakan Sehingga Kini	63
Foto 3.9	<i>Customs, Immigration and Quarantine (CIQ)</i> Lubok Antu	78
Foto 4.1	Barangan keperluan yang di Bawa dari Lubok Antu-Sarawak	85

## SENARAI SINGKATAN

<b>ASEAN</b>	Association of Southeast Asian Nations
<b>BTA</b>	Border Trade Agreement
<b>BNN</b>	Badan Narkotika Nasional
<b>CIQ</b>	Customs, Immigration and Quarantine Complex
<b>GBC</b>	General Border Committee
<b>KALBAR</b>	Kalimantan Barat
<b>KESBAN</b>	Kerangka Keselamatan Dan Pembangunan
<b>KILB</b>	Kartu Izin Lintas Batas
<b>PGA</b>	Pasukan Gerakan Am
<b>PLB</b>	Pos Lintas Batas
<b>PPLB</b>	Pos Pemeriksaan Lintas Batas
<b>PPM</b>	Pasukan Polis Marin
<b>RELA</b>	Jabatan Sukarelawan Malaysia
<b>SALCRA</b>	Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority
<b>SOSEKMALINDO</b>	Perjanjian Kerjasama Sosial dan Ekonomi




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A Soalan Temubual Bersama Responden	152
LAMPIRAN B Gambar Penyelidikan	154



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Tesis ini membincangkan mengenai fenomena penyeludupan barangan dalam kalangan komuniti sempadan di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat. Kajian kes telah dijalankan ke atas komuniti di sempadan antara dua kawasan iaitu Lubok Antu (Sarawak) dan Badau (Kalimantan Barat). Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti sumber-sumber yang telah menyumbang kepada kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan di kawasan penelitian. Hal ini termasuklah menganalisis sejauhmana sumber-sumber yang telah dikenalpasti menjadi penyumbang kepada kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan. Oleh hal demikian, Bab 1 ini memberikan penjelasan berkenaan dengan rangka penyelidikan yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metod kajian, definisi operasional dan organisasi tesis.

### **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, hubungan antara Malaysia dan Indonesia, terutamanya di sempadan Kalimantan Barat dan Sarawak, kerap diwarnai beberapa isu hangat, seperti isu pekerja asing, pembalakan haram, isu budaya dan isu sempadan (Jayanto, 2014). Dalam sistem negara bangsa, sempadan merupakan suatu yang mustahak dan seringkali diistilahkan sebagai satu garis pemisah fizikal dan geo-politik yang menandakan bahawa kedaulatan dan keabsahan negara itu dihormati (Ramli et.al, 2015). Di sisi lain, sempadan negara turut berperanan penting sebagai pusat pertemuan komuniti, zon kerjasama ekonomi dua hala dan laluan keluar masuk pelbagai aktiviti halal dan haram malah

aktiviti perniagaan dan perdagangan di kawasan sempadan negara bukanlah perkara baru (Mohd Yusuf, 2016).

Dalam pada itu, Fauzi Hussin et al. (2013) menjelaskan, pintu sempadan kerap dijadikan sebagai pintu rezeki bagi sesetengah peniaga yang mengambil kesempatan atas ketersediaan barangan negara jiran (Malaysia) yang tidak terdapat di pasaran tempatan dan lebih murah berbanding barangan buatan tempatan (Indonesia). Secara tidak langsung, laluan perdagangan bersifat terbuka melalui jalan darat di antara Sarawak dan Kalimantan Barat meningkatkan taraf hidup masyarakat di kedua-dua kawasan, terutamanya komuniti di sempadan Indonesia (Kalimantan Barat), dari segi ekonomi dan sosial seperti di Entikong, Sarawak yang bersempadan dengan Kalimantan Barat (Abdul Rahim, 2015; Fariastuti, 2012; Titeca, 2009). Sementara itu, Clement (2012) dan Fatma (2013) menjelaskan bahawa urusan niaga yang merentasi sempadan akan menjurus kepada aktiviti penyeludupan barangan dalam kalangan komuniti sempadan seperti halnya di Borneo iaitu Sarawak-Kalimantan Barat.

Aktiviti penyeludupan, seperti barangan import dan eksport merupakan antara perdagangan antarabangsa yang utama di kebanyakan negara membangun yang pada dasarnya, aktiviti ini dijalankan bagi memperoleh pendapatan daripada urusan niaga merentasi sempadan (Farzanegan, 2008; Heidari dan Shafian, 2015). Namun begitu, aktiviti ini melanggar peraturan yang sedia ada seperti Akta Kastam 1967 di Malaysia, *Land Customs Act 1924* di Myanmar dan *Customs Law* di Indonesia (Buehn dan Farzanegan, 2012). Hal ini menunjukkan bahawa kedaulatan sesebuah negara itu dihormati sudah tidak berfungsi dalam kes penyeludupan.

Dalam pada itu, penyeludupan mengakibatkan kerugian kepada negara kerana barangan yang diseludup adalah barangan subsidi dan bercukai. Beberapa kajian telah menghuraikan masalah ini, seperti kajian oleh Dominguez (1975) yang menyatakan bahawa ia memberi impak negatif terhadap pembangunan ekonomi sesebuah negara, selain memberi kesan kepada struktur dalaman masyarakat. Pelbagai faktor telah dikenalpasti, antaranya adalah disebabkan faktor sejarah, budaya, kekeluargaan dan kelemahan penguatkuasaan pihak penguatkuasa

(Golub,1999; Gathamann, 2000; Tagliacozzo, 2002; Wadley dan Eilenberg, 2005; Ford dan Lyons, 2007; Yusten, 2009; Hussin et al., 2013; Ramli et al., 2015).

Dalam hal ini, kes penyeludupan yang berlaku di sempadan negara turut menjadi isu yang harus diambil berat kerana ia mengancam ekonomi dan kedaulatan sesebuah negara jika dibiarkan berlarutan (Dominguez, 1975). Menurut Eilenberg (2009) (dalam Ong Puay Liu et al., 2011), wujud kebimbangan dalam kalangan pihak berkuasa Indonesia-Malaysia di sempadan daerah Kalimantan Barat kerana penduduk di sempadan kedua-dua negara itu disyaki kerap terlibat dalam aktiviti subversif yang menyalahi undang-undang yang dianggap sebagai sebahagian daripada punca pendapatan seharian mereka. Dalam hal ini, aktiviti penyeludupan dan komuniti sempadan adalah isu yang saling berkaitan, malah telah berlanjutan semenjak pembentukan negara berbeza sehingga sekarang. Hal ini dibuktikan oleh kajian terdahulu, seperti Bruns et al. (2011), Schoenberger, L & Turner (2008), Tagliacozzo (2002), Ering (2011), Fauzi Hussin et al. (2013), dan Ojo et al. (2014).

Dalam pada itu, hubungan sosiobudaya dan ekonomi telah terjalin dalam kalangan komuniti sempadan Sarawak-Kalimantan Barat sejak turun-temurun lagi, iaitu sebelum wujudnya dasar polisi politik negara ataupun undang-undang sempadan (Eilenberg, 2012). Namun begitu, kewujudan sempadan negara secara sah telah membataskan pergerakan komuniti sempadan serta memisahkan hubungan persaudaraan disebabkan status kewarganegaraan yang berbeza (Aris Munandar, 2012). Walaupun kehidupan harian komuniti sempadan Indonesia-Malaysia secara politiknya dipisahkan oleh sempadan serta status kewarganegaraan yang berbeza, pada asasnya mereka hidup dalam satu sistem komuniti yang diikat oleh pola perilaku dan budaya yang sama (Junaenah Sulehan et al., 2013).

Oleh yang demikian, komuniti yang mendiami kawasan sempadan semakin berhadapan dengan isu keselamatan akibat peningkatan perlakuan jenayah, seperti penyeludupan, tanpa mereka sedari meskipun ada penguatkuasaan dan jagaan oleh pihak berkuasa. Clement (2012) berpendapat bahawa komuniti di kawasan sempadan lebih cenderung melakukan aktiviti penyeludupan barangan. Kajian oleh Heru (2008), Eilenberg (2009), Wan Shawaluddin & Ramli (2008), Dja'far (2009),

Satria Jayanto (2014), dan Ramli et al. (2015) menjelaskan bahawa perlakuan penyeludupan di sempadan sebagai satu jenayah yang mengancam keselamatan.

Sebelumnya, pada tahun 1970, Indonesia dan Malaysia mendatangi perjanjian melintasi sempadan kedua-dua belah negara yang dinamakan Perjanjian Perdagangan Sempadan (*Border Trade Agreement*) (Andreas, 2014). Menurut perjanjian tersebut, penduduk di wilayah sempadan berhak memperdagangkan barangan yang memberikan manfaat kepada komuniti setempat dari segi ekonomi dan sosial. Perjanjian ini bertujuan mengelak kegiatan penyeludupan dalam kalangan komuniti sempadan. Namun demikian, kelonggaran serta kelemahan penguatkuasaan dan pengawasan pihak penguatkuasa undang-undang menyebabkan penyeludupan barang masih berlaku di kebanyakan kawasan sempadan di Malaysia dan Indonesia (Wadley, 2005; Husnadi, 2001).

Pada tahun 2011, kawasan pentadbiran sempadan, iaitu Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (Customs, Immigration and Quarantine Complex, CIQ) dan Pos Lintas Batas (PLB) dibina di kedua-dua belah kawasan Lubok Antu-Nanga Badau agar rakyat kedua-dua buah negara dapat berurusan melalui kompleks tersebut dan mengelak urusniaga secara haram (Utusan Malaysia, 2011). PLB merupakan pintu keluar masuk bagi komuniti sempadan antara negara secara tradisional yang dibuka untuk memudahkan masyarakat yang berada di perbatasan antara negara untuk berinteraksi dalam kegiatan sosial, perdagangan dan lain-lain (Nurfitri Nugrahaningsih, 2009).

Namun demikian, meskipun CIQ wujud sebagai satu laluan yang sah, kegiatan penyeludupan barangan masih dijalankan, di samping dibawa melalui jalan tikus. Pemerhatian ini menunjukkan bahawa undang-undang sedia ada tidak dapat menyekat kegiatan penyeludupan di sempadan meskipun penguatkuasaan dijalankan. Persoalannya adalah kenapa? Menurut Flynn (1997) dan Eilenberg (2009), meskipun kegiatan ini menyalahi undang-undang, komuniti sempadan menganggap perlakuan tersebut tidak menyalahi undang-undang memandangkan aktiviti tersebut tidak berbahaya dan bertujuan menampung keperluan hidup. Malah, Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (United Nations High Commissioner for Refugees) (2009) turut menyokong

pendapat bahawa hubungan sosial dalam bentuk perdagangan dan migrasi perkahwinan yang melintasi sempadan bukanlah suatu tindakan yang haram atau menyalahi undang-undang. Sementara itu, dari sudut pandang nasional, interaksi sosial yang berlangsung antara komuniti sempadan dianggap sebagai hubungan menyalahi undang-undang sekiranya tidak mengikut garis panduan (Aris Munandar, 2011). Oleh itu, isu yang menjadi persoalan permasalahan kajian tesis ini adalah, apakah sumber-sumber yang menjadi punca kepada pelbagai faktor sehingga fenomena penyeludupan barangan terus berlangsung walaupun dalam kawalan kuat kuasa undang-undang pintu sempadan.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian ke atas komuniti sempadan di sempadan antara Sarawak-Kalimantan Barat yakni Lubok Antu-Badau. Kajian ini adalah berkenaan fenomena penyeludupan barangan dalam kalangan komuniti sempadan di Lubok Antu-Badau. Banyak kajian masa lalu yang telah dijalankan di sempadan Lubok Antu-Badau sebelum ini diantaranya kajian oleh Kendawang et al. (2005), Prasojo (2013), Abdullah et al. (2016), Saad et al. (2014) dan Endi dan Ratnawati (2012) berkenaan komuniti sempadan di Lubok Antu. Namun demikian, kebanyakan kajian oleh para pengkaji yang dinyatakan hanya mengkaji berkenaan dengan sosioekonomi komuniti di kedua-dua buah kawasan secara umum dan tidak kurang yang menyentuh berkenaan dengan identiti serta nasionalisme komuniti sempadan.

Kajian berkenaan dengan penyeludupan terutamanya penyeludupan barangan adalah belum pernah dijalankan secara khusus di kawasan kajian. Dalam hal ini, kajian berkenaan dengan penyeludupan dan transaksi barangan di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat banyak dilakukan di Entikong-Tebedu, Sarawak seperti kajian oleh Fatma (2013), Rinaldi (2005), Sunandar (2012), Ariffin, et al. (2012), Noor Rahamah, et al. (2012), Eilenberg dan Wadley (2009) dan lain-lain. Namun, kepelbagaian kajian di kawasan kajian Entikong-Tebedu ini banyak menyentuh mengenai transaksi barangan dan kaitannya dengan perjanjian sempadan mahupun SOSEKMALINDO, keadaan sosioekonomi kedua-dua komuniti, migrasi keluar tenaga pekerja, penyeludupan kayu, penyeludupan ikan dan juga pakaian terpakai (*Jelong*). Malah kajian berkenaan aktiviti perdagangan rentas sempadan di Lubok Antu oleh Mohd Yusof, Suhana Saad, Junaenah Sulehan, Noor

Rahamah, Abd. Hair Awang & Ong Puay Liu (2016) hanyalah menyentuh berkenaan pola hubungan komunikasi antara komuniti sempadan.

Sehubungan dengan itu, terdapat dua kajian masa lalu yang menyamai kajian yang dilakukan oleh pengkaji di kawasan kajian (sempadan Lubok Antu-Badau) yakni kajian oleh Fatma (2013) berkenaan dengan penyeludupan ikan dan kaitannya dengan perjanjian kerjasama antara kerajaan di kedua-dua kawasan sempadan dan Elyta (2017) mengenai perdagangan gula secara haram di sempadan Entikong. Pun begitu, kajian Fatma (2013) adalah berkisar mengenai senario jenayah penyeludupan ikan di kawasan sempadan Kalimantan Barat dan Sarawak secara umum dari sudut kajian undang-undang manakala Elyta (2017) hanya memfokuskan kepada perdagangan gula sahaja di sempadan Entikong.

Oleh itu, isu yang menjadi persoalan umum kajian tesis ini adalah, apakah sumber-sumber yang menjadi punca pelbagai faktor yang menyumbang kepada kelangsungan fenomena penyeludupan barangan di sempadan Badau, Indonesia-Lubok Antu, Malaysia? Seterusnya, mengapakah fenomena ini terus berlaku walaupun dalam kawalan kuat kuasa undang-undang?

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis sumber-sumber dari mana timbulnya faktor-faktor yang menyumbang kepada kelangsungan fenomena penyeludupan barangan di kawasan penelitian, biarpun dalam keadaan berkuat kuasanya undang-undang penyeludupan. Seterusnya kajian ini juga akan memberikan satu sistem penerangan ilmiah tentang kenapa fenomena sosial ini terus berlaku. Lebih khusus lagi, objektif kajian ini adalah:

- i) Menenalpasti sumber yang menyumbang kepada kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan
- ii) Meneliti bagaimana sumber wujudulu dan wujudkemudian menjadi sumber penting dalam kelangsungan penyeludupan barangan

Disamping itu, bagi memberikan konteks kepada Objektif dan Persoalan kajian, maka dibincangkan juga latar-belakang kawasan kajian yang meliputi sosio-budaya, ekonomi dan etnisiti kawasan kajian juga dikaji.

### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini mengenalpasti sumber-sumber yang telah menyumbang kepada kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan. Disamping itu, pemahaman komuniti berkenaan dengan konsep penyeludupan barangan adalah berbeza dengan definisi konsep yang sebenar oleh para sarjana seperti Flynn (1997), Abraham dan Schendel (2005) & Eilenberg (2009) menyebabkan kesedaran ke atas isu ini masih lagi berkurang. Justeru, hasil kajian kelak mengenai isu penyeludupan dan bagaimana ianya mempengaruhi hubungan interaksi dalam kegiatan sosial antara individu di sesebuah kawasan akan memperdalamkan lagi pengetahuan kita mengenai senario penyeludupan yang seringkali berlaku di kawasan sempadan masa kini. Selain dapat memahami persepsi komuniti sempadan dan pihak penguatkuasa terhadap fenomena penyeludupan dan mengapa ianya masih terus dijalankan meksipun penguatkuasaan undang-undang dikuatkuasakan.

Disamping itu, hasil dapatan kelak akhirnya dapat digunakan bagi melihat kepada kelompangan penguatkuasaan di sempadan negara yang menyebabkan penyeludupan barangan masih dijalankan. Selain itu, ianya akan menyumbang kepada wujudnya polisi-polisi berkenaan dengan isu ini oleh pihak kastam agar dapat memberikan perbezaan yang jelas kepada komuniti mengenai konsep penyeludupan yang sebenar. Selain itu, dapatan kajian ini kelak dapat memberikan maklumat kepada pihak Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) berkenaan dengan fenomena penyeludupan di kawasan Sarawak memandangkan UPP masih lagi belum ditubuhkan di Sarawak dan di Lubok Antu khasnya.

Kajian secara khusus berkenaan dengan fenomena penyeludupan di kawasan sempadan antara dua kawasan ini amat kurang dilakukan. Oleh itu, berdasarkan kepada objektif kajian serta dapatan kajian kelak, kajian ini akan memberi kepentingan kepada kajian masa hadapan berkenaan dengan penyeludupan barangan. Hal ini kerana, seiring dengan pembangunan dan pemesanan ekonomi sesebuah negara, perubahan sosial dan ekonomi pasti akan